



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL**

**ARAHAN PENTADBIRAN KETUA PENGARAH
RUKUN TETANGGA BILANGAN 4 TAHUN 2025**

**PENGURUSAN SKIM RONDAAN SUKARELA :
PENYERAGAMAN KAWAD KAKI, PERINTAH DAN
TABIK HORMAT ANGGOTA SKIM RONDAAN SUKARELA**

JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1.	Tujuan	3
2.	Latar Belakang	3
3.	Tafsiran	4
4.	Penyeragaman Kawad Kaki, Perintah, Tabik Hormat dan Melapor	5
5.	Tarikh Kuat Kuasa	7
6.	Penutup	7
7.	Pertanyaan	7
8.	Lampiran	
	• Garis Panduan Kawad Kaki, Tabik Hormat dan Perintah Anggota Skim Rondaan Sukarela (SRS) Rukun Tetangga Progresif	

1. TUJUAN

Arahan Pentadbiran ini bertujuan untuk menjelaskan tatacara pelaksanaan kawad kaki, perintah dan tabik hormat sebagai rujukan anggota Skim Rondaan Sukarela (SRS) di seluruh negara.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Skim Rondaan Sukarela (SRS) merupakan jentera Rukun Tetangga yang diperuntukkan di bawah Seksyen 8 Akta Rukun Tetangga 2012 iaitu pengendalian aspek keselamatan dan perlindungan diri pemastautin serta pencegahan jenayah komuniti, manakala tugas SRS dijelaskan dalam Peraturan 18 (1) Akta Rukun Tetangga 2012.
- 2.2 Skim Rukun Tetangga (SRS) merupakan pasukan sukarela yang berfungsi bagi mengawal keselamatan kawasan kediaman. Kepentingan SRS ialah membantu kerajaan mewujudkan persekitaran yang selamat dan kondusif melalui penglibatan aktif komuniti secara sukarela dalam aktiviti rondaan dan kawalan pencegahan jenayah. Menyedari akan kepentingan tersebut, Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional terus berusaha memperkasa, mempertingkatkan dan mempergiatkan aktiviti SRS.
- 2.3 Di bawah inisiatif Pemerkasaan Rukun Tetangga sebagai Penggerak Komuniti Progresif, bidang tumpuan kedua iaitu **Keselamatan dan Ketahanan Komuniti** melibatkan SRS untuk membangunkan komuniti yang progresif.
- 2.4 Penyeragaman kawad kaki, perintah dan tabik hormat ini merupakan langkah proaktif serta usaha bagi memperkukuhkan peranan SRS dalam meningkatkan keselamatan dan ketahanan komuniti. Selain itu, ianya akan meningkatkan kredibiliti serta keterampilan anggota SRS dalam melaksanakan tugas mereka.

2.5 Mengikut Seksyen 18 (1) Akta Rukun Tetangga 2012 (Akta 751) tugas SRS adalah seperti berikut:

- (a) Tugas meronda di dalam kawasan sebagaimana yang ditentukan oleh Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga;
- (b) Tugas mengawal di pusat kawasan pada apa-apa waktu sebagaimana yang ditentukan oleh pengarah; dan
- (c) Tugas mengawal di mana-mana premis, tempat atau lokasi di dalam kawasan sebagaimana yang dikehendaki oleh pengarah.

3. TAFSIRAN

Bagi maksud pemakaian Arahan Pentadbiran ini:

- 3.1 **“Ketua Pengarah”** merujuk kepada Ketua Pengarah Rukun Tetangga yang dilantik di bawah Sub Seksyen 3(1).
- 3.2 **“Pengarah Perpaduan Negeri”** merujuk kepada Pengarah Perpaduan Negeri, Jabatan Perpaduan negara dan Integrasi Nasional negeri yang berkenaan.
- 3.3 **“Pegawai Perpaduan Bahagian/Daerah/Ketua Seksyen”** merujuk kepada Pegawai Perpaduan Daerah/Bahagian/Seksyen, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional negeri/daerah tertentu serta turut melibatkan Pegawai Penyelia Rukun Tetangga.
- 3.4 **“Kawasan Rukun Tetangga”** merujuk kepada Kawasan Rukun Tetangga yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah di bawah Seksyen 5.
- 3.5 **“Kawasan Skim Rondaan Sukarela”** merujuk kepada Kawasan Skim Rondaan Sukarela yang telah diluluskan penubuhannya oleh Ketua Pengarah Rukun Tetangga melalui notis yang dikeluarkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.

- 3.6 **“Skim Rondaan Sukarela”** merujuk kepada satu skim yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Rukun Tetangga di bawah Seksyen 15, Akta Rukun Tetangga 2012.

4. PENYERAGAMAN KAWAD KAKI, PERINTAH, TABIK HORMAT DAN MELAPOR

- 4.1 Kawad kaki, perintah dan tabik hormat merupakan elemen penting yang perlu dimasukkan dalam latihan kepada anggota SRS bagi memastikan semua anggota SRS diberikan latihan secara profesional dan teratur dalam menjalankan tugas kawalan dan rondaan SRS di seluruh negara. Selain itu, latihan kawad kaki yang dilaksanakan bukan hanya tertumpu kepada pergerakan fizikal, tetapi ianya membina mental, kerjasama dan kepimpinan sebagai anggota SRS.
- 4.2 Kepentingan tatacara penyeragaman kawad kaki, perintah dan tabik hormat seperti berikut:
- 4.2.1 Memantapkan imej, kredibiliti dan profesionalisme anggota SRS sebagai barisan hadapan untuk memastikan keselamatan komuniti.
 - 4.2.2 Memberi kefahaman dan latihan asas pergerakan kawad kaki, perintah dan tabik hormat yang betul.
 - 4.2.3 Mewujudkan keseragaman pergerakan dan arahan dalam perbarisan anggota SRS.
 - 4.2.4 Meningkatkan disiplin dan motivasi anggota SRS.
- 4.3 Asas kawad kaki, perintah dan tabik hormat merangkumi keseragaman tatacara seperti berikut:

4.3.1 Kawad Kaki

- i. Berdiri tegak, pandangan menghadap ke hadapan.
- ii. Tangan di sisi semasa kedudukan 'sedia'.
- iii. Langkah kaki seragam – kaki kiri dimulakan dahulu baru kaki kanan.
- iv. Bunyi hentakan kaki seiring.
- v. Fokus dan dengar arahan dengan jelas.

4.3.2 Tabik Hormat

- i. Tangan kanan digunakan, dan jari dirapatkan.
- ii. Pandangan menghadap individu atau objek diberi hormat.
- iii. Ianya dilakukan semasa:
 - Menghadap pegawai atau kenamaan.
 - Menaikkan atau menurunkan bendera.
 - Lagu Negaraku dimainkan.
 - Laporan kepada pegawai.

4.4 Tatacara kawad kaki, perintah dan tabik hormat iaitu seperti berikut:

- i. Sedia
- ii. Senang Diri
- iii. Sedia Dari Senang Diri
- iv. Rehatkan Diri
- v. Baris Dalam Tiga Barisan
- vi. Ke Kanan Lurus
- vii. Pusing Kanan/Kiri
- viii. Menghadap Ke Hadapan/Belakang
- ix. Cepat Jalan
- x. Berhenti Dari Cepat Jalan
- xi. Tabik Hormat
- xii. Selaku Terima Sijil/Hadiah

4.5 Tatacara melapor, iaitu SRS melapor kepada pegawai atasan/orang kenamaan.

- i. Perbuatan : Tabik Hormat
Hukuman : *"Assalamualaikum, perbarisan SRS KRT AU5 seramai 20 orang siap untuk diperiksa Tuan/Dato'."*
- ii. Perbuatan : Tabik Hormat
Hukuman : *"SRS mohon kebenaran untuk menjalankan tugas."*
- iii. Perbuatan : Keluar dari Barisan
Hukuman : *"SRS keluar baris"*

5. TARIKH KUAT KUASA

Arahan Pentadbiran ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

6. PENUTUP

Kewujudan Arahan Pentadbiran ini diharap dapat memberikan panduan yang jelas kepada Pengarah Rukun Tetangga, Pegawai Perpaduan Bahagian/Daerah/Ketua Seksyen dan Anggota Skim Rondaan Sukarela berkenaan tatacara penyeragaman kawad kaki, perintah dan tabik hormat anggota SRS.

7. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan mengenai Arahan Pentadbiran ini hendaklah dikemukakan kepada:

Bahagian Perhubungan Masyarakat dan Kejiranan
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
Aras 8, Blok E2, Kompleks E
62502 Putrajaya

No. Tel : 03-88837000

Email : hq_pmk@perpaduan.gov.my

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ZULKIFLI BIN HASHIM)

Ketua Pengarah Rukun Tetangga